

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS HARI POTENSI TABIKA KEMAS
PERINGKAT PARLIMEN BERA**

DEWAN MAJLIS DAERAH BERA (MDB)

5 OGOS 2016, JUMAAT

WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT serta dengan Inayah-Nya dapat kita bersama-sama pada majlis ini. Terima Kasih diucapkan kepada pihak KEMAS Negeri Pahang khususnya Pejabat KEMAS Daerah Bera kerana telah menjemput saya ke Majlis Penutupan Hari Potensi Kanak-kanak Tabika KEMAS Peringkat Parlimen Bera pada hari ini.

2. Syabas juga saya ucapkan tahniah dan berbangga dengan kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh seramai 168 orang kanak-kanak Tabika KEMAS peringkat parlimen Bera berjumlah 61 buah Tabika pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama terutamanya kepada ibubapa/penjaga, ahli jawatankuasa Tabika, Jabatan, agensi-agensi kerajaan dan orang perseorangan. Semoga kerjasama ini diteruskan pada masa yang akan datang untuk kebaikan anak-anak yang kita kasih.

3. Saya merasa amat bangga dan gembira kerana pada tahun lepas saya berpeluang menyaksikan aksi kanak-kanak Tabika KEMAS berusia antara 4-6 tahun bertanding dalam acara sukan di UITM Arau. Pada tahun ini pula KEMAS telah mempertandingkan Acara Bakat seperti :

- Tilawah (L&P)
- Bercerita BM - (L&P)
- Story Telling (L&P)
- Pidato (L&P)
- Nasyid
- Tarian
- Kompang
- Rekacipta
- Boneka Tangan

4. Sesungguhnya saya merasa kagum melihat kebolehan kanak-kanak Tabika KEMAS menampilkan aksi dan potensi diri dengan penuh keyakinan. Sudah pasti ucapan terima kasih diucapkan kepada Pemaju Masyarakat atau guru-guru Tabika, para ibu bapa dan ahli jawatankuasa Tabika yang telah berjaya mengilap potensi mereka dengan cemerlang. Teruskan usaha ini, bimbing dan asuhlah anak-anak kita

dengan penuh kasih sayang. Semoga usaha murni ini akan berkekalan serta mencapai objektif yang disasarkan. Inilah anak-anak yang akan menjadi pewaris bangsa dan negara pada masa akan datang.

5. Pada tahun ini pula, saya dimaklumkan Negeri Pahang telah dipilih menjadi Tuan Rumah Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan bagi acara Bakat

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kepentingan Kurikulum Kepada Anak-anak Tabika di dalam Pelan Transformasi Luar Bandar KKLW menerusi Fokus Modal Insan saya telah menekankan Pendidikan Prasekolah Tabika dan Taska turut diberi penekanan bagi memastikan Tabika KEMAS menjadi pilihan utama ibubapa untuk memberi pendedahan awal kepada anak-anak mereka dalam dunia pendidikan formal

7. KEMAS kini telah memperkenalkan Tabika Berprestasi Tinggi (TBT) mencakupi Program Penghayatan Islam (PPI), Patriotisma, Penggunaan Interactive WhiteBoard (IWB) dalam pembelajaran di Tabika.

8. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan untuk keperluan makanan tambahan kanak-kanak Tabika dengan kadar RM2.00 seorang sehari bersekolah bagi anak-anak di semenanjung dan RM2.25 seorang sehari bagi kanak-kanak di Sabah, Sarawak dan Labuan. Manakala kadar RM3.00 sehari seorang bagi kanak-kanak Taska PERMATA KEMAS. Pemakanan seimbang adalah penting untuk anak-anak kerana ia mampu meningkatkan pertumbuhan fizikal serta memperbaiki keupayaan mental mereka.

9. Pertumbuhan kanak-kanak seharusnya dikembangkan dengan pelbagai potensi dan tidak sewajarnya terhad dalam aspek pencapaian akademik semata-mata. Tidak dinafikan, pencapaian dan kecemerlangan akademik sangat penting. Namun, membekalkan mereka dengan pembinaan sahsiah peribadi serta memberikan peluang kepada mereka menggilap potensi dan bakat terutama dalam sukan yang digemari amatlah digalakkan. Tahniah diucapkan kepada KEMAS kerana pada saban tahun berjaya mengilap bakat dan potensi kanak-kanak kita melalui penganjuran Hari Potensi ini.

10. Semoga melalui aktiviti ini kita akan dapat melahirkan anak-anak yang berdisiplin tinggi, tabah serta berani menerima kekalahan

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Peranan Ibu bapa dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

11. Selaku Menteri yang terlibat secara langsung dalam memberikan Pendidikan Awal Kanak-Kanak melalui KEMAS, Saya amat berbesar hati dan mengalu-alukan penglibatan Ibu bapa dalam program Hari Potensi ini. Proses pendidikan seseorang bermula sebaik sahaja ia dilahirkan. Mereka ibarat kain putih yang menjadi tanggungjawab kita untuk mewarna, mencorak dan melenturkannya. Mereka adalah anugerah dan amanah dari Allah SWT yang perlu dijaga.

12. Pada asasnya, pembelajaran bermula dari rumah itu sendiri dan dengan itu ibubapa merupakan pendidik pertama bagi seorang anak. Oleh itu, ibu bapa perlu menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan anak-anaknya agar mereka dibesarkan dalam suasana yang penuh kasih sayang dan harmoni. Luangkan lah masa yang berkualiti bersama anak-anak, bermain dan ransang daya kreativiti mereka untuk meningkatkan lagi imaginasi

Peningkatan Kualiti Premis dan Kemudahan Pembelajaran

13. Dalam memastikan anak-anak kita di luar bandar terus menerima akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan kondusif, maka peruntukan besar disalurkan oleh kerajaan melalui KEMAS. Kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk membaikpulih dan menyelenggara bangunan sedia ada, pembelian perabot dan peralatan serta alat pengajaran dan pembelajaran, agar anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang kondusif, selamat, selesa dan proses pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan, menyeronokkan serta

dapat merangsang pertumbuhan dan perkembangan potensi mereka ke tahap yang optimum.

14. Sekalung tahniah juga diucapkan kepada kanak-kanak cemerlang setiap negeri yang turut menerima anugerah mereka pada hari ini. Andalah contoh generasi awal yang baik serta menjadi teladan kepada rakan-rakan yang lain, Kami doakan semoga kejayaan anak-anak pada hari ini akan memberikan inspirasi untuk mereka terus maju sehingga dewasa kelak. Ingatlah anak-anak sekalian, kesempurnaan dalam pendidikan mampu menjadikan kita sempurna dalam kehidupan. Hormatilah guru, ibu bapa serta orang lebih tua dan semoga kehidupan anak-anak akan sentiasa diberkatinya.

15. Bagi mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini. Semoga kita semua mendapat rahmat dan keberkatan daripadanya.

Wabillahitawfiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh